

Pendekatan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Kemahiran Reseptif Bahasa Kedua dan Bahasa Asing

BITARAVolume 4, Issue 2, 2021: 132-140
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Metacognitive Strategy Approach in Teaching Receptive Skills in Second and Foreign Language]

Siti Fatimah Datu Ali Nafiah¹**Abstrak**

Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing memerlukan strategi yang efektif agar pengetahuan dan kemahiran dapat disampaikan dalam pembelajaran bahasa. Hal ini kerana, ia dapat menentukan sama ada keberhasilan pembelajaran dapat dicapai dalam suatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan konsep strategi metakognitif dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Penggunaannya diimplementasikan dengan pendekatan kitaran susunan tugas untuk meningkatkan keupayaan pelajar membina kemahiran metakognitif. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian kepustakaan dengan mengumpul maklumat dari pelbagai sumber berkaitan perbahasan. Hasil analisis menunjukkan terdapat dua bentuk strategi pengajaran metakognitif yang perlu dikuasai oleh guru iaitu strategi metakognitif pengetahuan kendiri dan strategi metakognitif pengawalan kendiri yang penting dalam membentuk kefahaman pelajar terhadap proses pembelajaran dalam bahasa kedua dan bahasa asing. Oleh itu, penggunaan strategi tersebut diharapkan dapat menjadi alternatif baharu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Kata kunci:

metakognitif, strategi metakognitif, pengajaran bahasa kedua, pengajaran bahasa asing.

Abstract

The process of teaching and learning second and foreign languages requires effective strategies so that knowledge and skills can be delivered in language learning. Thus, it can determine whether the learning outcomes can be achieved in a teaching and learning activity. This article aims to discuss metacognitive strategies concept in second language and foreign language teaching. Its use is implemented with a task order cycle approach to enhance students' ability to build metacognitive skills. The research methodology is in the form of a library study by collecting information from various sources related to the debate. The results of the analysis show that there are two forms of metacognitive teaching strategies that teachers need to master, namely metacognitive strategies of self-knowledge and metacognitive strategies of self-control that are important in shaping students' understanding of the learning process in second and foreign languages. The use of such strategies is expected to be a new alternative in the teaching and learning of second and foreign languages.

Keywords:

metacognitive, metacognitive strategies, second language teaching, foreign language teaching.

¹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA**Corresponding Author:**SITI FATIMAH DATU ALI NAFIAH, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.
E-mail: ftdan550@gmail.com

Cite This Article:

Siti Fatimah Datu Ali Nafiah. 2021. Pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran reseptif bahasa kedua dan bahasa asing. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 132-140.

Pengenalan

Pembelajaran bahasa bagi tujuan akademik memerlukan pelajar memindahkan pengetahuan dan kemahiran bahasa yang dipelajari dalam tugas disamping memahami teks pembelajaran. Proses memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam pembelajaran bahasa adalah suatu tindakan khusus yang dipilih oleh pelajar bagi merancang dan mengawal tindakan agar mencapai pemahaman dalam pembelajaran. Hal ini dinyatakan oleh Cohen (2007) sebagai suatu proses yang dipilih secara sedar oleh pelajar dalam menghasilkan tindakan yang dapat meningkatkan pembelajaran sekaligus dalam penggunaan bahasa.

Kesedaran pelajar dalam proses pembelajaran berkait rapat dengan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru untuk meluaskan penggunaan strategi pembelajaran pelajar. Salah satu strategi pembelajaran yang dapat diperluaskan penggunaannya dalam merancang pendekatan pengajaran adalah strategi metakognitif dan ia penting dalam pembentukan dan perkembangan pembelajaran kendiri. Hal ini dibuktikan dalam pelbagai kajian lepas (Shikano 2013; Tavakoli 2014 & Fitrisia et.al 2015) yang menunjukkan bahawa penggunaan strategi metakognitif dapat diteliti dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Justeru, penguasaan pengetahuan dan kemahiran bahasa dalam pembelajaran bahasa kedua dan asing perlu dipertingkatkan dengan kaedah penyesuaian strategi pembelajaran metakognitif dengan pendekatan pengajaran yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam anjakan kedua transformasi pendidikan negara iaitu menggalakkan murid mempelajari bahasa tambahan. Sehubungan itu, pengamal dan pengkaji dalam bidang pendidikan kini, giat membentuk inisiatif dan mempelbagaikan alternatif pendekatan baru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan asing secara khusus.

Sorotan Literatur

Kesedaran metakognitif merupakan tindak balas seseorang terhadap strategi yang digunakan dalam pembelajaran. Secara umumnya, Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010) menyatakan bahawa strategi metakognitif dalam proses pembelajaran digunakan untuk menyelia, mengawal, mengatur dan mengendalikan sendiri pembelajaran. Oleh itu, metakognitif merupakan konsep penting dalam pengurusan pembelajaran.

Sehubungan itu, terdapat beberapa sarjana yang membincangkan konsep kesedaran metakognitif dalam teori metakognitif. Antaranya, Flavell dan Wellman (1977), Flavell (1979), O'Neil dan Abedi (1996) dan O'Neil dan Schacter (1977) yang membahaskan bahawa metakognitif merujuk kesedaran seseorang terhadap pengetahuan dan pengawalan seseorang tentang proses kognitif yang diperlukan dalam pembelajaran (dalam Mazli Sham & Saemah

2014; Farah Aida & Che Nidzam 2014 & Nik Nur Fadhilah 2015). Oleh itu, implementasi proses kognitif memerlukan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan strategi metakognitif disebabkan setiap pelajar mempunyai keupayaan penguasaan yang berbeza dalam pembelajaran.

Secara pedagogi, (Killen 2003; Coskun 2010; Cross 2010; Khonamri & Kojidi 2011; Shikano 2013; Hu 2013; Tavakoli 2014; Fitrisia et.al 2015) membahaskan bahawa integrasi kesedaran strategi metakognitif dalam pendekatan pengajaran dapat membawa kejayaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Disamping itu, ia perlu sepadan dengan perancangan aktiviti serta hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi suatu sesi pembelajaran. Hal ini dapat direalisasikan oleh guru dengan menetapkan pendekatan pengajaran yang dapat mengekalkan momentum aktif dalam kalangan pelajar ketika mengadaptasi kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan itu, integrasi kesedaran strategi metakognitif dengan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing diperlukan bagi pembentukan kerangka konsep pengajaran dan pembelajaran yang mengoptimakan penggunaan strategi dalam pembelajaran. Hal ini signifikan kerana pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing memerlukan spektrum strategi serta pendekatan yang luas terhadap pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran yang spesifik.

Tujuan dan Objektif Kajian

Perbincangan artikel ini adalah untuk mengkaji konsep strategi metakognitif dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing yang memfokuskan kemahiran reseptif iaitu kemahiran membaca dan mendengar. Hasil analisis akan merungkai konsep strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran reseptif untuk digunakan dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Secara khususnya, objektif kajian diperincikan seperti berikut:

- i. Mengetahui konsep Metakognitif sebagai alternatif dalam pengajaran kemahiran reseptif untuk diintegrasikan di dalam pendekatan pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing.
- ii. Menentukan kerangka konsep pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Persoalan dan Batasan Kajian

- i. Apakah konsep Metakognitif dalam pendekatan pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing?
- ii. Bagaimanakah kerangka konsep strategi metakognitif dapat diterapkan dalam pengajaran kemahiran reseptif bahasa kedua dan bahasa asing?

Kajian dibataskan kepada strategi metakognitif iaitu strategi metakognitif bagi kemahiran reseptif iaitu strategi metakognitif membaca dan strategi metakognitif mendengar dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Metod Kajian

Kajian menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan dan data dikumpul dari kajian-kajian lepas berkenaan strategi metakognitif membaca dan strategi metakognitif mendengar dan penerapannya dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Hasil Kajian

Hasil kajian kepustakaan mendapati bahawa strategi metakognitif bagi kemahiran reseptif (kemahiran mendengar dan kemahiran membaca) meliputi strategi metakognitif pengetahuan kendiri dan strategi metakognitif pengawalan kendiri. Disamping itu, kajian turut mendapati bahawa penggunaan strategi metakognitif dapat memupuk pengawalan pembelajaran secara kendiri dengan mengimplementasi pendekatan kitaran *Susunan Tugasan (task sequence cycle approach)* sebelum menggunakan strategi tersebut.

Konsep Strategi Metakognitif dalam Pendekatan Pengajaran Bahasa Kedua dan Bahasa Asing

Konsep penggunaan strategi metakognitif dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing dalam kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan kebolehan kefahaman kemahiran reseptif iaitu kemahiran membaca dan mendengar. Hal ini turut dibahaskan dalam kajian Coskun (2010) Cross (2010) dan Khonamri & Kojidi (2011) bahawa kefahaman bahasa dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing dicapai melalui penggunaan strategi metakognitif. Berdasarkan pernyataan ini, kemahiran bahasa dapat dibina melalui pengimplementasian strategi metakognitif dan mempunyai potensi optima dalam pengajaran bahasa. Menurut Ibtisam dan Zamri (2014), hal ini turut menunjukkan bahawa pembangunan kemahiran bahasa yang bermula dengan kemahiran membaca dan kemahiran mendengar memberi kesan terhadap penguasaan kemahiran produktif iaitu kemahiran menulis dan kemahiran bertutur.

Justeru, guru perlu memahami konsep strategi metakognitif dalam pembelajaran para pelajar. Strategi metakognitif dalam pembelajaran bertujuan untuk memupuk kesedaran pelajar dalam mengawal dan memantau pemahaman mereka dalam pembelajaran. Hal ini dinyatakan oleh Roohani & Asiabani (2015) bahawa strategi metakognitif menambah tahap kepercayaan keupayaan kendiri (*self-efficacy*) disamping meningkatkan keupayaan pelajar dalam pembelajaran kendiri (*self-regulated learning*).


Flavel (1976) dalam (Fitrisia 2015) menyatakan secara spesifik bahawa kesedaran metakognitif merupakan pengetahuan individu yang melibatkan proses dan hasil dari proses kognitif atau apa sahaja yang berkaitan dengan proses kognitif dan ia terbahagi kepada tiga jenis pengetahuan iaitu pengetahuan kendiri, pengetahuan tugasan dan pengetahuan strategi.

Pengetahuan kendiri melibatkan kepercayaan pelajar terhadap kemampuan diri dan kemampuan individu lain dalam proses kognitif. Wenden (1998) dalam (Fitrisia 2015) menyatakan bahawa pengetahuan tugasdirujuk sebagai sesuatu yang diketahui oleh pelajar tentang tujuan, permintaan dan keperluan tugas pembelajaran. Manakala pengetahuan strategi pula seperti yang diterangkan oleh Wenden (1998) dalam (Fitrisia 2015) adalah rangkaian strategi efektif dalam mencapai sub-matlamat dalam pelbagai bentuk aktiviti atau proses kognitif.

Sehubungan itu, konsep strategi metakognitif adalah gabungan dua rangkaian strategi metakognitif iaitu pengetahuan kendiri dan pengawalan kendiri dalam dua kemahiran reseptif iaitu kemahiran membaca dan mendengar. Kedua-dua strategi tersebut penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar sekaligus pelajar akan berupaya membina keupayaan metakognitif dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Usaha yang mampan perlu dilaksanakan dengan merangka konsep yang bersesuaian untuk melaksanakan penggunaan strategi metakognitif dalam pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Kerangka Konsep Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Bahasa Kedua dan Bahasa Asing

Berdasarkan elemen metakognitif yang penting dalam pendekatan pengajaran bahasa kedua dan bahasa asing, satu strategi baharu dicadangkan agar dapat merealisasikan rancangan pengajaran yang dapat memupuk kesedaran metakognitif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Hal ini kerana, hasil kajian lepas berkenaan bahasa kedua dan bahasa asing menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi metakognitif dengan kebolehan pemahaman dalam kemahiran membaca dan mendengar (Coskun 2010; Cross 2010; Khonamri & kojidi 2011 & M.Kassem 2015). Justeru, satu kerangka konsep yang mengimplementasikan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran reseptif dicadangkan agar pelajar dapat bergantung terhadap penggunaan strategi metakognitif dalam meningkatkan keupayaan kemahiran reseptif iaitu kedua-dua kemahiran membaca dan mendengar.



Rajah 1: Kerangka Konsep Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Kemahiran Reseptif Bahasa Kedua dan Bahasa Asing

Kerangka konsep yang diperkenalkan merupakan langkah pengimplementasian strategi metakognitif pengetahuan kendiri dan strategi metakognitif pengawalan kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Kedua-dua strategi metakognitif tersebut diadaptasi dari model pengajaran yang digunakan oleh para pengkaji dalam bidang bahasa iaitu model *Self-Regulated Strategy Development (SRSD)* dalam kajian Roohani & Asiabani (2015) dan model *Metacognitive Strategy Instruction (MetSI)* dalam kajian Rahimirad (2015). Hasil dapatan kajian kedua-dua pengkaji menunjukkan terdapat peningkatan terhadap pemahaman pelajar terhadap idea pembelajaran kemahiran reseptif dan telah membentuk jangkaan keupayaan diri dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, pendekatan kitaran susunan tugas (*task sequence cycle approach*) diaplikasikan seiring dengan pendekatan strategi metakognitif dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam menguasai bahasa kedua dan bahasa asing. Hal ini kerana, menurut Cross (2010) serta Rahimirad (2015), *task sequence* yang diperkenalkan oleh Vandergift (2004, 2007) atau dikenali juga sebagai *pedagogical cycle* bersesuaian dalam membantu para pelajar untuk peka terhadap kod dan dekod perkataan, frasa dan intipati mesej yang dibaca dan didengari oleh mereka.

Perbincangan Kajian

Penerapan strategi metakognitif dalam pedagogi bahasa dapat menambah tahap keupayaan pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Hal ini kerana, menurut Chamot (2001), salah satu matlamat kajian tentang strategi pembelajaran bahasa adalah untuk memperlengkapkan pelajar bahasa dengan latihan yang secukupnya tentang strategi pembelajaran agar berjaya dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, cadangan konsep ini diharap akan mengorak potensi pengajaran strategi metakognitif dalam PdP bahasa kedua dan bahasa asing.

Keputusan kajian kepustakaan ini menunjukkan konsep strategi metakognitif dapat diperaktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Justeru, pengajaran yang

menerapkan strategi metakognitif dapat dipupuk dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Hal ini telah dilakukan dalam kajian Albazi dan Shukri (2016) yang meneliti bagaimana latihan strategi metakognitif boleh membantu meningkatkan kesedaran strategi metakognitif dalam pemahaman pembacaan. Strategi yang dicadangkan ini, memberi satu dimensi baharu dalam pengajaran kemahiran reseptif. Hal ini kerana, penggunaan strategi metakognitif dapat membantu pelajar untuk mengawal pembelajaran sekaligus meningkatkan kesedaran mereka terhadap proses kognitif mereka dalam menggunakan kemahiran reseptif. Keupayaan pelajar dalam penggunaan strategi metakognitif menunjukkan mereka mempunyai kemampuan metakognitif yang tinggi dan perlu digilap dari awal proses pembelajaran. Hal ini kerana, menurut Paris dan Winograd (1990) (dalam Mokhtari & Reichard 2002) kemampuan metakognitif dapat meningkatkan pembelajaran secara akademik dan daya motivasi.

Sehubungan itu, kerangka konsep strategi metakognitif yang dibina mengimplementasikan elemen pengetahuan kendiri dan pengawalan kendiri dalam strategi metakognitif. Selain itu, pendekatan kitaran susunan tugas turut diaplikasikan disamping pendekatan strategi metakognitif kerana ia merupakan model pengajaran yang dapat mengintegrasikan kedua-dua elemen strategi metakognitif untuk menguji kemahiran reseptif pelajar bagi pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Nur Aisyah et.al (2013) membahaskan bahawa unsur metakognitif perlu didedahkan dan diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia merupakan satu kemahiran yang boleh dipelajari oleh murid. Hal ini penting kerana penguasaan strategi metakognitif seharusnya dapat memperbaiki pembelajaran pelajar yang mempelajari bahasa kedua dan bahasa asing dari semasa ke semasa.

Antara bukti dapatan kajian lepas yang menunjukkan bahawa strategi metakognitif dapat memupuk kesedaran penggunaan strategi dalam pembelajaran adalah kajian tentang hubungan strategi metakognitif dan hubungannya dengan kemahiran berfikir aras tinggi yang dilaksanakan oleh Farah Aida & Che Nidzam (2014) ke atas 300 orang pelajar biologi tingkatan empat di daerah Batu Pahat Johor mendapati bahawa kesemua pelajar mempunyai kesedaran strategi metakognitif yang tinggi ($\text{min}=3.93$, $s.p=.37$) berdasarkan data yang diperolehi dari konstruk pengetahuan kognitif ($\text{min}=3.89$, $s.p=0.39$) dan regulasi kognitif ($\text{min}=3.98$, $s.p=0.40$). Hal ini menunjukkan para pelajar mempunyai kesedaran strategi dari aspek metakognitif dalam pembelajaran.

Manakala, kajian yang dilaksanakan oleh Mazli Sham & Saemah (2014) pula tentang kesedaran metakognitif dan hubungannya dengan gaya pembelajaran menunjukkan bahawa pelajar aliran sains mempunyai kesedaran metakognitif ($\text{min}=3.86$) yang tinggi berdasarkan interpretasi skor min bagi konstruk perancangan ($\text{min}=3.99$), semak kendiri ($\text{min}=3.77$) dan strategi kognitif ($\text{min}=3.83$). Dapatan kajian turut menjelaskan bahawa para pelajar mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran kendiri. Justeru, integrasi strategi metakognitif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap keperluan strategi dalam meningkatkan kefahaman dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing. Hal ini dapat dilaksanakan dengan meningkatkan komunikasi pelajar dengan bahan pengajaran iaitu dengan memberi tugas pembacaan sebelum masuk ke kelas dan menilai tahap kesedaran pelajar terhadap strategi metakognitif di akhir aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Kesimpulan

Kajian yang dilaksanakan tentang pendekatan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran reseptif bahasa kedua dan bahasa asing diharapkan dapat memberi input baharu dalam penyelidikan strategi pembelajaran dalam bahasa Arab, khususnya di peringkat pengajian tinggi. Rekod dapatan kajian dapat digunakan oleh para pengkaji yang berminat untuk melaksanakan kajian lanjutan tentang kesedaran strategi metakognitif terhadap kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran bertutur dan

kemahiran menulis. Hal ini kerana, nilai tambah yang diperolehi dalam kajian berpotensi digunakan sebagai sokongan dan dimanfaatkan bagi pencambahan idea para pengamal pendidikan bahasa kedua dan bahasa asing.

Selain pengkaji dalam bidang pendidikan bahasa kedua dan bahasa asing, tenaga pendidik bahasa kedua dan bahasa asing juga dapat memanfaatkan hasil kajian untuk merancang pengajaran dan pembelajaran dengan memupuk kesedaran strategi metakognitif dalam proses pembelajaran teks Arab. Peranan pendidik dalam meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan menggunakan strategi metakognitif akan membantu meningkatkan kemahiran dan mewujudkan proses pembelajaran kemahiran membaca yang efektif. Justeru, maklumat kajian dapat digunakan bagi menjana alternatif baharu dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing berintegrasikan strategi metakognitif dalam pengajaran kemahiran reseptif.

Rentetan itu, daptan kajian ini juga perlu dimanfaatkan oleh pihak penggubal kurikulum pendidikan bahasa kedua dan bahasa asing khususnya di peringkat pengajian tinggi. Hal ini kerana, hasilnya dapat digunakan untuk mewujudkan satu pelan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing yang mengkhususkan latihan strategi metakognitif bagi para pelajar bahasa kedua dan bahasa asing. Justeru, proses penambahbaikan dapat dilaksanakan sekaligus memperluaskan amalan penggunaan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing.

Rujukan

- Albazi, S. Shukri, N. 2016. Evaluating the effect of metacognitive strategy training on reading comprehension of female students at KAU. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*. 5(3): 172-183.
- Chamot, A. L. 2001. The role of learning strategies in second language acquisition. Dlm. (pnyt.). Breen, M. P. *Learner Contributions to Language Learning*. England: Pearson Education Limited.
- Cohen, A. D. 2007. Coming to terms with language learner strategies: surveying the experts. (pnyt).
- Cohen, A. D. & Ernesto, M. 2007. *Language Learner Strategies: Thirty Years of Research and Practice*. UK: Oxford University Press.
- Coskun, Abdullah. 2010. The effect of metacognitive strategy training on the listening performance of beginner students. *Novitas-ROYAL(Research on Youth and Language)*. 4(1): 35-50.
- Cross, J. 2010. Metacognitive instruction for helping less-skilled listeners. *ELT Journal Advance Access*. Oxford University Press. doi: 10. 1093/elt/ccq073.
- Farah Aida & Che Nidzam. 2014. Kesedaran strategi metakognitif dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar Biologi. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan (KPM)*. 15.
- Fitrisia, D. Tan, K.E. Yusuf, Y.Q. 2015. Investigating metacognitive awareness of reading strategies to strengthen students' performance in reading comprehension. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 30: 15-30.
- Ibtisam Abdullah. Zamri Ahmad. Pengajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. 2012. Dlm. Mohd Shukari Hamzah. Khazri Osman. Moktar Hussain. Suhaila Zailani @ Haji Ahmad. Salamiah Abd.Ghani. Hakim Zainal. Zainudin Ismail (pnyt). *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab (PKEBAR '12)*. hlm.75-81. Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam.
- Khonamri, F. Kojidi, M. E. 2011. Metacognitive awareness and comprehension and monitoring in reading ability of Iranian EFL learners. *PUBLIC*. 13(2): 99-111.
- Mazli Sham Abdullah & Saemah Rahman. 2014. Gaya pembelajaran dan kesedaran metakognitif dalam kalangan pelajar aliran sains. *Proceeding of the Social SciencesResearch ISSR 2014*.
- Nik Nur Fadhillah Abdul Razak. 2015. Kesedaran Metakognitif dan Pemupukan Perkembangan Metakognitif Guru Matematik Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, UKM.

- Nur Aisyah Mohamad, Zamri Mahamod & Sharalala A/P Subramaniam. 2013. Kemahiran metakognitif dan hubungannya dengan jantina, jenis sekolah dan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 38(2): 23-32.
- Rahimirad, M. 2015. Metacognitive strategy instruction as a means to improve listening self-efficacy among Iranian undergraduate learners of English. *International Journal of Instruction*. 8(1): 117-132.
- Roohani, A. Asiabani, S. 2015. Effects of Self-Regulated Strategy Development on EFL Learner's Reading Comprehension and Metacognition. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 15(3): 31-49.
- Shikano, M. 2013. A Quantitative survey on metacognitive awareness of reading strategy use in English by Japanese university students. *International Education Centre Journal*. 14:11 24.
- Tavakoli, H. 2014. The effectiveness of metacognitive strategy awareness in reading comprehension: the case of Iranian university EFL learners. *The Reading Matrix*. 14(2): 314-336.